



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERCUKAIAN PEKERJA MALAYSIA
YANG DIHANTAR BERTUGAS
DI LUAR NEGARA**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2011

TARIKH KELUARAN: 7 FEBRUARI 2011



**PERCUKAIAN PEKERJA MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 1/2011
Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011**

KANDUNGAN

Muka surat

1.	Pendahuluan	1
2.	Peruntukan berkaitan	1
3.	Interpretasi	1 - 2
4.	Pemakaian Ketetapan	2
5.	Asas taksiran pendapatan penggajian	3
6.	Pendapatan penggajian	3
7.	Tugas sampingan (incidental duties)	3 - 4
8.	Penentuan tugas sampingan (incidental duties)	4 - 7
9.	Kajian kes tugas luar negara yang dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia	7 - 11
10.	Kajian kes tugas luar negara yang tidak dianggap sebagai sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia	11 - 15
11.	Pemerhatian kajian kes 1 hingga 4	15 - 16
12.	Layanan cukai ke atas pekerja Malaysia yang dihantar bertugas di luar negara	16 - 33
13.	Pengemukaan Borang Cukai Pendapatan	33
14.	Tarikh kuat kuasa	33

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR BERTUGAS DI LUAR NEGARA

Ketetapan Umum No. 1/2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

1. Ketetapan ini menerangkan layanan cukai ke atas pendapatan penggajian yang diperoleh oleh pekerja Malaysia yang dihantar bertugas di luar negara oleh majikan.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 13, 25, 83, 132, 133 dan Jadual 7.
3. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Cukai asing” bermaksud apa-apa cukai atas pendapatan (atau apa-apa cukai lain yang mempunyai ciri-ciri yang serupa) yang boleh dikenakan atau dipertanggungjawabkan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia.
 - 3.2 “Cukai Malaysia” bermaksud cukai yang dikenakan di bawah ACP.
 - 3.3 “Dihantar bertugas (seconded)” bermaksud –
 - a) pekerja yang ditukarkan buat sementara waktu oleh majikan untuk melakukan kerja berkaitan di tempat lain; dan
 - b) selepas tamat tugas sementara tersebut, pekerja kembali semula kepada majikan yang sama untuk menyambung penggajian.
 - 3.4 “Kredit dua belah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang, menurut apa-apa persetujuan yang mempunyai kuat kuasa di bawah seksyen 132 ACP, dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia.
 - 3.5 “Kredit sebelah pihak” bermaksud kredit berkenaan dengan cukai asing yang harus dibayar di bawah undang-undang suatu wilayah di luar Malaysia yang mana tiada persetujuan di bawah seksyen 132 ACP berkuat kuasa.
 - 3.6 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud –
 - a) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan wujud, tuan;
 - b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
 - 3.7 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –

- a) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan wujud, orang suruhan;
 - b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 3.8 “Pemastautin Malaysia” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti mana yang ditentukan di bawah seksyen 7 ACP.
- 3.9 “Pendapatan asing” bermaksud pendapatan yang diperoleh dari luar Malaysia atau dalam kes kredit dua belah pihak, termasuk pendapatan yang diperoleh dari Malaysia yang dikenakan cukai asing.
- 3.10 “Pendapatan berkanun”, berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun seperti mana yang ditentukan di bawah ACP.
- 3.11 “Penggajian” bermaksud –
- a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.12 “Taksiran” bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP.
- 3.13 “Tahun asas” berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca pendapatan penggajian adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.14 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.15 “Tempoh asas” berhubung dengan pendapatan kasar penggajian adalah seperti mana yang ditentukan oleh seksyen 25 ACP.

4. Pemakaian ketetapan

Ketetapan ini hanya terpakai untuk pekerja di Malaysia yang dihantar bertugas di luar negara kecuali warganegara Malaysia yang bekerja dalam perkhidmatan awam atau perkhidmatan badan berkanun di Malaysia tetapi bertugas di luar negara.



5. **Asas taksiran pendapatan penggajian**

Pendapatan penggajian bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran ditaksir sebagai pendapatan bagi tahun taksiran tersebut apabila ia diterima. Sebagai contoh, pendapatan penggajian bagi tempoh 1.1.2010 hingga 31.12.2010 ditaksir sebagai pendapatan untuk tahun taksiran 2010.

6. **Pendapatan penggajian**

Subseksyen 13(1) ACP menerangkan jenis pendapatan yang termasuk sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Di bawah subseksyen 13(2) ACP, pendapatan daripada penggajian dianggap diperolehi dari Malaysia sekiranya pendapatan timbul bagi apa-apa tempoh:

- a) semasa penggajian dijalankan di Malaysia;
- b) cuti yang berkaitan dengan menjalankan penggajian di Malaysia;
- c) semasa pekerja menjalankan di luar Malaysia tugas sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia;
- d) semasa seseorang menjadi pengarah suatu syarikat dan syarikat itu bermastautin di Malaysia; atau
- e) semasa penggajian dijalankan di atas kapal laut atau kapal terbang yang digunakan dalam perniagaan seseorang yang bermastautin di Malaysia.

7. **Tugas sampingan (incidental duties)**

Perkataan "sampingan" (incidental) tidak didefinisikan dalam ACP. Dengan itu, maksud perkataan 'sampingan' hendaklah dirujuk kepada kes undang-undang. Dalam kes GBH lwn Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [1994] 2 MSTC 579, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan telah merujuk kepada Black's Law Dictionary Edisi ke 5 (1979) bagi takrif 'sampingan kepada penggajian' iaitu:

"A risk is 'incidental to employment' within the Workers Compensation Act, when it belongs to or is connected with what a worker has to do in fulfilling the duties of his or her employment."

Dalam kes Robson lwn Dixon 48 TC 527, Mahkamah telah menyatakan -

"the words 'merely incidental to' are upon the ordinary use apt to denote an activity (here the performance of duties) which does not serve any independent purpose but is carried out in order to further some other purpose."

Berdasarkan kes undang-undang tersebut, tugas sampingan bolehlah dianggap sebagai tugas yang berkaitan dengan tugas penggajian utama dan merupakan bahagian penting sesuatu penggajian. Tugas sampingan dilakukan bukan untuk tujuan berasingan tetapi untuk memenuhi tujuan penggajian utama itu.

8. Penentuan tugas sampingan (incidental duties)

Beberapa faktor dan keadaan yang perlu dipertimbangkan secara kolektif dalam menentukan sama ada tugas yang dijalankan oleh pekerja yang dihantar bertugas di luar negara adalah sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.

Faktor dan Keadaan	Maklumat
<p>1) Menjalankan penggajian di Malaysia</p>	<p>Kenal pasti sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) hubungan majikan-pekerja wujud; dan ii) pekerja menjalankan penggajian (melaksanakan perkhidmatan) dengan majikan di Malaysia sebelum dihantar bertugas di luar negara. <p>Contoh 1</p> <p>Syarikat kejuruteraan di Malaysia menggaji seorang jurutera awam dan dengan serta merta menghantar beliau ke Dubai untuk bertugas di suatu projek yang dikendalikan oleh syarikat di Dubai. Jurutera awam tersebut tidak menjalankan penggajian dengan syarikat di Malaysia sebelum bertugas di luar Malaysia.</p> <p><i>Walaupun hubungan majikan-pekerja wujud di antara syarikat dan jurutera awam tetapi oleh kerana jurutera awam tidak menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar bertugas di luar negara, tugas jurutera awam di luar Malaysia bukan sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</i></p> <p>Contoh 2</p> <p>Syarikat induk di Malaysia yang mempunyai syarikat subsidiari di Malaysia dan di luar negara menggaji seorang akauntan merangkap pengawal kewangan. Pekerja ini dihantar bertugas di salah sebuah syarikat subsidiari di Malaysia. Beberapa tahun kemudian, syarikat subsidiari itu menghantar pekerja ini untuk menjalankan tugas yang berkaitan di sebuah syarikat subsidiari lain di Indonesia selama 3 bulan.</p>

	<p><i>Walaupun kontrak penggajian adalah dengan syarikat induk di mana hubungan majikan-pekerja wujud, syarikat subsidiari di Malaysia di mana pekerja pada mulanya dihantar bertugas di anggap sebagai majikan mengikut subseksyen 83(6) ACP. Oleh itu, tugas pekerja di Indonesia dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</i></p>
<p>2) Jenis tugas di luar negara</p>	<p>Jika tugas yang dijalankan di luar Malaysia mempunyai kaitan dengan atau merupakan sebahagian daripada tugas pekerja di Malaysia maka dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</p> <p>Contoh 3</p> <p>Seorang pengurus pemasaran kanan di Malaysia telah digaji untuk menjalankan tugas utama memberi perkhidmatan kepada peniaga di Malaysia dan di Rantau Asia Timur Selatan.</p> <p><i>Oleh kerana tugas yang dijalankan di luar negara oleh pengurus pemasaran kanan mempunyai kaitan dengan tugas di Malaysia dan adalah sebahagian tugas biasa, tugas di luar negara dianggap tugas sampingan.</i></p>
<p>3) Tujuan tugas di luar negara</p>	<p>Tugas di Malaysia dan di luar Malaysia boleh merupakan tugas yang sama atau tidak tetapi jika kedua-dua tugas dilakukan dalam hubungan majikan-pekerja yang sama dan untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia, maka tugas di luar Malaysia dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia.</p> <p>Contoh 4</p> <p>Sebuah syarikat pembinaan di Malaysia, terlibat dengan berbagai-bagai projek di luar negara, menghantar seorang pekerja bertugas di luar negara sebagai penyelia projek. Tugas pekerja di luar negara dan di Malaysia adalah berbeza. Syarikat bertanggungjawab membuat keputusan bagi projek di luar negara, menanggung risiko dan menerima manfaat daripada tugas yang dijalankan di luar negara.</p> <p><i>Oleh kerana syarikat terlibat dalam perniagaan pembinaan di dalam dan di luar Malaysia, tugas yang dijalankan di luar negara adalah untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia. Oleh itu, tugas di luar negara</i></p>

	<i>dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</i>
4) Sifat sementara tugas di luar negara	<p>Jika selepas menyelesaikan tugas di luar negara, pekerja kembali bekerja dengan majikan di Malaysia, tugas di luar negara akan dianggap bersifat sementara dan sampingan kepada penggajian utama. Jumlah masa atau kuantum kerja yang dilakukan di luar negara bukan faktor penentu dalam menentukan bahawa tugas di luar negara adalah sampingan kepada penggajian di Malaysia.</p> <p>Walaupun pekerja tidak kembali bekerja dengan majikan di Malaysia atas sebab-sebab tertentu, tugas di luar negara masih dianggap sementara.</p> <p>Contoh 5</p> <p>Seorang pekerja syarikat kejuruteraan di Malaysia dihantar bertugas di luar negara selama setahun. Setelah menyelesaikan tugas di luar negara, pekerja kembali ke Malaysia untuk menyambung kerja biasanya.</p> <p><i>Oleh kerana pekerja kembali kepada majikan di Malaysia untuk menyambung kerja biasanya, tugas di luar negara adalah bersifat sementara dan dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia.</i></p> <p>Contoh 6</p> <p>Seorang pekerja syarikat kejuruteraan di Malaysia dihantar bertugas di luar negara selama 2 tahun. Pekerja perlu kembali bekerja dengan majikan di Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara. Walau bagaimanapun, pekerja tidak berbuat demikian sebab menerima tawaran bekerja dengan majikan lain di luar negara.</p> <p><i>Walaupun pekerja tidak kembali bekerja dengan majikan di Malaysia, tugas di luar negara selama 2 tahun bersifat sementara dan dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia.</i></p>
5) Tempat di mana tugas diarah dan dikawal	<p>Jika kawalan dan arahan diberi oleh majikan di Malaysia, tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia walaupun arahan diberi sekali sekala ataupun kawalan adalah melalui arahan daripada</p>

	<p>majikan di Malaysia kepada pekerja di luar Malaysia. Kawalan bermaksud menetapkan piawaian, mengukur pencapaian yang sebenar dan mengambil tindakan pembetulan berdasarkan laporan yang diterima.</p> <p>Contoh 7</p> <p>Sebuah syarikat pembinaan di Malaysia menghantar seorang pekerja untuk menyelia projek syarikat di luar negara. Syarikat di Malaysia membuat semua keputusan dan mengeluarkan semua arahan berkaitan tugas pekerja di luar negara. Semua laporan kemajuan projek di luar negara juga dihantar kepada syarikat di Malaysia.</p> <p><i>Memandangkan arahan dan kawalan tugas di luar negara terletak dengan syarikat di Malaysia, tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</i></p>
<p>6) Bayaran untuk perkhidmatan yang dilakukan</p>	<p>Jika majikan di Malaysia yang menerima manfaat daripada tugas di luar negara menanggung kos gaji pekerja semasa bekerja di luar negara, tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.</p>
<p>7) Realiti komersial</p>	<p>Jika majikan di Malaysia menanggung risiko dan secara langsung menerima manfaat dari segi ekonomi hasil daripada tugas di luar negara, maka tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia. Risiko yang ditanggung dan manfaat yang diterima berkaitan dengan kerja yang dilakukan di Malaysia dan di luar negara perlu dilihat daripada perspektif rasional komersial.</p>

9. Kajian kes tugas luar negara yang dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia

Kajian Kes 1

Fakta kes: Hilmi dihantar bertugas di Indonesia dan Brunei

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Jurutera mekanikal dengan syarikat minyak & gas di Malaysia sejak 1.6.2000. Menyelia pelaksanaan yang diperlukan untuk program penyelenggaraan projek di dalam dan di luar Malaysia. Tanggungjawab termasuk menyelesaikan masalah dan menganalisa kegagalan, menggilirkan peralatan supaya terdapat peralatan loji dan kemudahan berkaitan yang boleh diharap.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2008	10 bulan.
Tempoh bertugas di luar negara pada tahun 2008	1 bulan di Indonesia dan 1 bulan di Brunei. Bertugas di luar negara adalah untuk sementara sebab Hilmi meneruskan penggajian dengan majikan yang sama di Malaysia selepas menyelesaikan tugas di luar negara.
Tugas di luar negara	Menyelia projek milik majikan Malaysia di Indonesia dan Brunei.
Arahan dan kawalan	Majikan di Malaysia membuat semua keputusan dan mengeluarkan semua arahan berkaitan tugas Hilmi di luar negara. Semua laporan kemajuan berhubung pemeriksaan projek luar negara dihantar kepada majikan di Malaysia. Majikan di Malaysia menanggung semua risiko dan menerima semua manfaat daripada kerja yang telah dijalankan oleh Hilmi di luar negara.
Saraan	Gaji Hilmi bagi tempoh bertugas di luar negara ditanggung oleh majikan di Malaysia.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas ?</i>	Ya

<p><i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia?</i></p> <p><i>Hilmi menyelia pelaksanaan program penyelenggaraan yang diperlukan bagi projek di dalam dan di luar Malaysia. Oleh itu, tugas di Indonesia dan Brunei adalah berkaitan dengan dan merupakan sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia.</i></p>	Ya
<p><i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia?</i></p> <p><i>Tugas yang dijalankan oleh pekerja di luar negara adalah untuk melanjutkan tujuan majikan sebab syarikat mempunyai projek di dalam dan di luar Malaysia.</i></p>	Ya
<p><i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i></p> <p><i>Tugas di luar negara adalah sementara sebab Hilmi meneruskan kerja dengan majikan yang sama selepas kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara.</i></p>	Ya
<p><i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i></p>	Ya
<p><i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i></p>	Ya
<p><i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i></p>	Ya

Tugas di luar negara yang dijalankan oleh Hilmi bagi tempoh 2 bulan dianggap sebagai sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.

Kajian Kes 2

Fakta kes: Balan dihantar bertugas di India

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jeniskerja	Jurutera Proses Teknologi/Operasi dengan syarikat kejuruteraan di Malaysia sejak tahun 1999. Menyelia pelaksanaan aktiviti berkaitan dengan proses/utiliti yang bertujuan memaksimumkan kapasiti loji, kecekapan dan

	keselamatan projek yang dijalankan oleh syarikat. Menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk proses kejuruteraan untuk memperbaiki loji untuk memastikan operasi yang fleksibel dan menjimatkan.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2008	214 hari.
Tempoh bertugas di luar negara pada tahun 2008	Di India dari 1.1.2008 hingga 31.5.2008 (152 hari). Bertugas di luar negara adalah untuk tempoh sementara sebab Balan meneruskan penggajian dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara.
Tugas di luar negara	Menjalankan kajian kebolehlaksanaan bagi projek di India untuk majikan di Malaysia yang hendak mengemukakan tender untuk projek tersebut melalui perkongsian usaha sama di India.
Arahan dan kawalan	Semua keputusan dibuat dan arahan dikeluarkan oleh majikan di Malaysia. Semua kajian kebolehlaksanaan dan laporan reka bentuk proses kejuruteraan dihantar kepada majikan di Malaysia. Majikan di Malaysia menanggung semua risiko dan menerima manfaat daripada kerja yang telah dijalankan oleh pekerja yang dihantar ke luar negara.
Saraan	Majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja bagi tempoh bertugas di luar negara.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia?</i>	Ya
<i>Menjalankan kajian kebolehlaksanaan di India adalah</i>	

<i>berkaitan dan sebahagian tugas biasa penggajian di Malaysia.</i>	
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia? Keputusan kerja yang dibuat di luar negara terletak pada majikan di Malaysia. Oleh itu, tugas yang dijalankan di luar negara adalah untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia.</i>	Ya
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara? Tugas di luar negara adalah untuk tempoh sementara sebab Balan meneruskan kerja dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara.</i>	Ya
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	Ya
<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	Ya
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i>	Ya

Tugas yang dijalankan oleh Balan untuk tempoh 152 hari dianggap sampingan kepada penggajian di Malaysia.

10. Kajian kes tugas luar negara yang tidak dianggap sebagai sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia

Kajian Kes 3

Fakta kes: Peng dihantar bertugas di China

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Jurutera sivil/struktur syarikat kejuruteraan di Malaysia sejak tahun 2003. Merancang, menilai, menyelaras, mencadangkan dan melaksanakan penyelenggaraan, rundingan, kajian atau projek pembinaan dan perkhidmatan dan reka bentuk kejuruteraan untuk keperluan syarikat



**PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA**

Ketetapan Umum No. 1/2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

	mengikut spesifikasi dan piawaian yang ditentukan.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2007	Tiada
Tempoh bertugas di luar negara	Di negara China dari 1.1.2007 hingga 31.12.2008 (2 tahun). Penghantaran ke luar negara untuk bekerja adalah untuk tempoh sementara sebab Peng meneruskan penggajian dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara.
Tugas di luar negara	Sama seperti tugas di Malaysia.
Arahan dan kawalan	Syarikat subsidiari di negara China bertanggungjawab atas keputusan dan mengeluarkan semua arahan untuk kerja yang dijalankan di negara China. Semua rancangan dan laporan penilaian dihantar ke syarikat di negara China. Syarikat di China menanggung semua risiko dan menerima manfaat hasil daripada kerja yang dijalankan oleh pekerja yang dihantar untuk bekerja di China berdasarkan keputusan syarikat di China.
Saraan	Majikan di Malaysia mengkreditkan akaun bank pekerja dengan saraan bulanan tetapi tidak menanggung saraan pekerja bagi tempoh menjalankan tugas di luar negara. Saraan dituntut daripada syarikat di negara China.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas ?</i>	<i>Ya</i>
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia?</i>	<i>Tidak</i>
<i>Tugas yang dijalankan sebagai jurutera sivil/struktur di</i>	

<i>Malaysia dan di luar negara adalah sama. Kerja yang dibuat di negara China adalah berhubung dengan projek yang tidak berkaitan dengan majikan di Malaysia sebab syarikat subsidiari di negara China menanggung semua risiko dan menerima manfaat dari kerja yang dibuat di negara China.</i>	
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia? Tugas yang dijalankan di luar negara adalah berasingan daripada tugas di Malaysia sebab syarikat subsidiari di negara China bertanggungjawab untuk semua keputusan kerja yang dijalankan di negara China.</i>	<i>Tidak</i>
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara? Tugas di luar negara adalah untuk tempoh sementara sebab Peng meneruskan kerja dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di negara China.</i>	<i>Ya</i>
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	<i>Tidak</i>
<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	<i>Tidak</i>
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i>	<i>Ya</i>

Tugas Peng di luar negara bukan sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia. Gaji yang diterima bagi tempoh 1.1.2007 hingga 31.12.2008 tidak dianggap diperolehi dari Malaysia dan tidak dikenakan cukai di Malaysia.

Kajian Kes 4

Fakta kes: Beberapa jurutera petroleum dihantar bertugas di luar negara

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Jurutera petroleum syarikat minyak dan gas di Malaysia sejak tahun 1990. Menjalankan analisa data dan interpretasi kajian teknikal untuk formulasi dan pelaksanaan



**PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA**

Ketetapan Umum No. 1/2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

	projek kejuruteraan petroleum.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2007	15 hari.
Tempoh bertugas di luar negara	Di luar negara bagi tempoh 1 hingga 3 tahun mulai tahun 2007.
Tugas di luar negara	Sama seperti tugas di Malaysia.
Arahan dan kawalan	Syarikat di luar negara bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan mengeluarkan semua arahan. Syarikat di luar negara menanggung semua risiko dan menerima manfaat hasil daripada kerja yang dijalankan oleh pekerja-pekerja yang dihantar ke luar negara untuk bekerja berdasarkan keputusan syarikat di luar negara.
Saraan	Majikan di Malaysia mengkreditkan akaun bank pekerja dengan gaji bulanan tetapi tidak menanggung gaji pekerja bagi tempoh bertugas di luar negara. Gaji dituntut daripada syarikat di luar negara.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas ?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas penggajian di Malaysia? Walaupun tugas yang dijalankan sebagai jurutera petroleum di Malaysia dan di luar negara adalah sama, kerja yang dijalankan di luar negara ditentukan oleh syarikat luar negara yang menanggung semua risiko dan menerima manfaat hasil daripada tugas yang diselesaikan. Kerja di luar negara tidak berkaitan dengan dan bukan sebahagian tugas penggajian di Malaysia.</i>	Tidak

<p><i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia?</i></p> <p><i>Tugas yang dijalankan di luar negara adalah berasingan daripada tugas di Malaysia sebab semua arahan dikeluarkan oleh dan semua laporan dibuat kepada syarikat di luar negara.</i></p>	<p><i>Tidak</i></p>
<p><i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i></p> <p><i>Tugas di luar negara adalah untuk sementara waktu sebab pekerja-pekerja meneruskan kerja dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di luar negara.</i></p>	<p><i>Ya</i></p>
<p><i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i></p>	<p><i>Tidak</i></p>
<p><i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i></p>	<p><i>Tidak</i></p>
<p><i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i></p>	<p><i>Ya</i></p>

Tugas yang dijalankan di luar negara oleh pekerja bukan sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia.

11. Pemerhatian Kajian Kes 1 hingga 4

Dalam Kajian Kes 1 dan 2, boleh diperhatikan bahawa tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia kerana:

- i. pekerja telah menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar bertugas di luar negara; dan
- ii. tugas yang dijalankan di luar negara adalah berkaitan dengan tugas di Malaysia dan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kerja pekerja; dan
- iii. tugas di luar negara bukan untuk tujuan berasingan tetapi untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia yang bertanggungjawab membuat keputusan bagi kerja yang dijalankan di luar negara. Tambahan lagi, majikan di Malaysia menanggung semua risiko dan menerima manfaat hasil daripada kerja yang telah dijalankan (berdasarkan keputusan majikan di Malaysia) oleh pekerja di luar negara.



Sebaliknya dalam Kajian Kes 3 dan 4, tugas di luar negara tidak dianggap sampangan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia sebab:

- i. tugas yang dijalankan di luar negara tidak berkaitan atau bukan merupakan sebahagian tugas yang dijalankan di Malaysia; dan
- ii. tugas di luar negara adalah untuk tujuan berasingan memandangkan keputusan berkaitan kerja di luar negara terletak dengan syarikat di luar negara. Majikan di Malaysia tidak menanggung risiko atau menerima manfaat daripada kerja yang dijalankan di luar negara.

12. Layanan cukai ke atas pekerja Malaysia yang dihantar bertugas di luar negara

12.1 Pencukaian dua kali

Pekerja yang dihantar bertugas di luar negara mungkin tertakluk kepada pencukaian dua kali apabila dikenakan cukai di Malaysia dan di negara tuan rumah luar negara. Pencukaian dua kali berlaku apabila dua negara mengenakan cukai pendapatan atas item pendapatan yang sama ke atas orang yang boleh dikenakan cukai yang sama.

12.2 Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK)

Untuk mengurangkan kesan cukai dua kali atas pemastautin yang memperoleh pendapatan dari luar sempadan negara, banyak negara termasuk Malaysia telah menandatangani PPPDK dengan negara luar. Negara yang telah menandatangani PPPDK dengan Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai perjanjian cukai manakala negara yang tidak menandatangani PPPDK dengan Malaysia adalah negara yang tiada perjanjian cukai.

12.3 PPPDK Malaysia

Teks PPPDK Malaysia dengan negara luar boleh diperolehi di laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

12.4 Pelepasan kredit dua belah pihak

Apabila pendapatan penggajian dikenakan cukai di Malaysia dan di negara tuan rumah yang mempunyai perjanjian cukai dengan Malaysia, undang-undang percukaian Malaysia membenarkan pelepasan dalam bentuk kredit dua belah pihak di bawah seksyen 132 ACP. Pengiraan kredit dua belah pihak adalah seperti berikut:



Cukai yang kena dibayar di Malaysia sebelum kredit dua belah pihak / kredit sebelah pihak	X	¹ Pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali (<u>pendapatan berkanun</u>) Jumlah pendapatan
Atau		
Cukai asing yang kena dibayar berhubung pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali, yang mana lebih rendah		
⁽¹ Mulai tahun taksiran 2007, pendapatan asing bagi tujuan menuntut kredit dua belah pihak termasuk pendapatan yang diperoleh dari Malaysia dan dikenakan cukai asing)		

12.5 PPPDK – Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas (Dependent Personal Services Article)

12.5.1 Asas untuk mengenakan cukai atas pendapatan penggajian

Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas dalam PPPDK menentukan asas untuk mengenakan cukai atas saraan yang

diperoleh oleh individu yang bermastautin di satu negara dari menjalankan penggajian (termasuk perkhidmatan profesional) di negara yang lain.

12.5.2 Pengecualian cukai di negara tuan rumah luar negara

Individu yang menjalankan penggajian di negara yang mempunyai perjanjian cukai boleh dibenarkan pengecualian cukai oleh negara luar jika semua syarat berikut dipenuhi (susunan kata mungkin berbeza mengikut setiap PPPDK):

- a) Pekerja berada di negara tuan rumah luar negara bagi tempoh yang tidak lebih daripada 183 hari dalam mana-mana tempoh 12 bulan bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan / tahun kalendar; dan
- b) Saraan di bayar oleh, atau bagi pihak, majikan yang bukan pemastautin di negara tuan rumah luar negara; dan
- c) Saraan tidak ditanggung oleh establishmen tetap, atau suatu tempat tetap yang dimiliki majikan di negara tuan rumah di luar negara. Dalam kata lain, saraan tidak dicaj sebagai perbelanjaan yang boleh dibenarkan dalam akaun untung dan rugi establishmen tetap, yang dimiliki majikan di negara tuan rumah di luar negara.

Bagi tujuan ini, istilah *saraan* dan *ditanggung oleh* dalam Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas di PPPDK berkaitan mempunyai maksud berikut:

- (i) *saraan* bermaksud gaji, upah dan *saraan* lain yang serupa termasuk manfaat berupa barangan yang diterima berkaitan dengan penggajian; dan
- (ii) *ditanggung oleh* bermaksud *saraan* adalah dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan dan bukan hanya sebagai potongan dari keuntungan establishmen tetap.

Sekiranya kesemua syarat di atas dipenuhi, pekerja akan dikecualikan dari cukai di negara tuan rumah luar negara. Negara bermastautin akan mempunyai hak penuh untuk mencukai dan isu pencukaaian dua kali tidak wujud.

Sebaliknya, jika salah satu daripada syarat di atas tidak dipenuhi, pekerja boleh dikenakan cukai di negara tuan rumah luar negara. Apabila pendapatan yang sama dikenakan cukai di negara

bermastautin dan di negara tuan rumah luar negara, pelepasan kredit dua belah pihak boleh dituntut dari negara bermastautin yang akan mengurangkan cukai dengan amaun cukai yang dibayar di negara tuan rumah luar negara. Walau bagaimanapun ini tertakluk kepada undang-undang percukaaian domestik negara yang berkaitan.

Kajian Kes 5

Fakta adalah sama seperti di Kajian Kes 1.

Pengenaan cukai ke atas Hilmi ditentukan seperti berikut:

- a) *Tugas Hilmi di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan pendapatan penggajian dianggap diperoleh dari Malaysia seperti yang telah diterangkan dalam Kajian Kes 1. Oleh itu, pendapatan penggajian dikenakan cukai di Malaysia.*
- b) *Walaupun terdapat PPPDK di antara Malaysia dan Indonesia, ini tidak menghalang Malaysia daripada mengenakan cukai ke atas pendapatan penggajian Hilmi bagi tempoh perkhidmatan beliau di Indonesia.*
- c) *Jika Hilmi juga dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di Indonesia, beliau boleh menuntut pelepasan kredit dua belah pihak di negara mastautin (Malaysia).*

- d) *Oleh kerana Malaysia mempunyai PPPDK dengan Indonesia, Hilmi akan dikecualikan cukai di Indonesia jika Hilmi memenuhi kesemua 3 syarat berikut di bawah Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas [Artikel 14(2)]:*

Artikel	Syarat untuk mendapat pengecualian cukai di Indonesia	Syarat dipenuhi atau tidak	Alasan keputusan
14(2)(a)	<i>Hilmi berada di Indonesia bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh tidak melebihi agregat 183 hari dalam tahun kalendar berkenaan (2008).</i>	Ya	<i>Hilmi berada di Indonesia untuk 1 bulan iaitu kurang daripada 183 hari dalam tahun 2008.</i>
14(2)(b)	<i>Perkhidmatan atau aktiviti dijalankan atau dilakukan untuk atau bagi pihak orang yang bermastautin di Malaysia.</i>	Ya	<i>Hilmi melakukan perkhidmatan untuk dan bagi pihak majikan yang merupakan pemastautin Malaysia.</i>
14(2)(c)	<i>Saraan atau pendapatan tidak ditanggung oleh establishmen tetap yang dipunyai oleh orang yang membayar saraan di Indonesia.</i>	Ya	<i>Saraan ditanggung oleh majikan di Malaysia yang tidak mempunyai establishmen tetap di Indonesia.</i>

Hilmi telah memenuhi ketiga-tiga syarat untuk mendapat pengecualian cukai di Indonesia.

- e) *Tugas yang dijalankan di Brunei dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan pendapatan bagi tempoh berkenaan dianggap diperoleh dari Malaysia (seperti diterangkan di Kajian Kes 1). Memandangkan tidak terdapat PPPDK di antara*

Malaysia dan Brunei pada tahun 2008 maka undang-undang percukaian domestik di Malaysia adalah diguna pakai.

Walaupun bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa PPPDK di antara Malaysia dan Brunei berkuat kuasa mulai 1.1.2011. Sekiranya Hilmi dihantar bertugas di Brunei pada tahun 2011 dan bukan 2008, beliau masih tertakluk kepada cukai di Malaysia pada tahun taksiran 2011 sebab tugas yang dijalankan di Brunei dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia. Pengenaan cukai atas Hilmi di Brunei bergantung kepada:

- (i) sama ada semua syarat dalam Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas [Artikel 15(2)] dalam PPPDK di antara Malaysia dan Brunei dipenuhi atau tidak; dan*
 - (ii) undang-undang percukaian domestik negara Brunei.*
- f) Untuk tahun taksiran 2008, Hilmi dikenakan cukai di Malaysia atas pendapatan penggajian yang diperolehi daripada menjalankan penggajian di Malaysia, Indonesia dan Brunei.*

Kajian Kes 6

Fakta adalah sama seperti di Kajian Kes 2.

Pengenaan cukai ke atas Balan ditentukan seperti berikut:

- a) Tugas luar negara Balan adalah sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan pendapatan penggajian dianggap diperolehi dari Malaysia seperti yang diterangkan di Kajian Kes 2. Oleh itu, pendapatan penggajian dikenakan cukai di Malaysia.*
- b) Walaupun terdapat perjanjian cukai di antara Malaysia dan India, ini tidak menghalang Malaysia daripada mencukai pendapatan penggajian Balan bagi tempoh beliau menjalankan perkhidmatan di India.*
- c) Jika Balan dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di India juga, beliau boleh menuntut pelepasan kredit dua belah pihak di negara mastautin (Malaysia).*
- d) Oleh sebab Malaysia mempunyai perjanjian cukai dengan India, Balan akan dikecualikan cukai di India jika Balan memenuhi kesemua 3 syarat berikut di bawah Artikel Perkhidmatan Persendirian Diri Tidak Bebas [Artikel 15(2)]:*

Artikel	Syarat untuk mendapat pengecualian cukai di India	Syarat dipenuhi atau tidak	Alasan keputusan
15(2)(a)	<i>Balan berada di India bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh tidak melebihi agregat 183 hari dalam tempoh 12 bulan yang bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan.</i>	Ya	<i>Balan berada di India bagi tempoh kurang daripada 183 hari.</i>
15(2)(b)	<i>Saraan dibayar oleh atau bagi pihak majikan yang bukan pemastautin India</i>	Ya	<i>Saraan dibayar oleh majikan di Malaysia yang bukan pemastautin di India.</i>
15(2)(c)	<i>Saraan tidak ditanggung oleh pemastautin India atau establishmen tetap atau suatu tempat tetap yang majikan miliki di India atau oleh orang yang menjalankan perkhidmatan diri bebas di India.</i>	Ya	<i>Saraan ditanggung oleh majikan di Malaysia yang tidak mempunyai establishmen tetap di India.</i>

Balan telah memenuhi ketiga-tiga syarat untuk mendapat pengecualian cukai di India.

- e) *Untuk tahun taksiran 2008, Balan dikenakan cukai di Malaysia atas pendapatan yang diperoleh bagi tempoh beliau menjalankan penggajian di Malaysia dan India.*

Kajian Kes 7

Fakta kes: Zali dihantar bertugas di Pakistan

Penerangan pengajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Pakar reka bentuk sistem bagi syarikat multinasional Amerika Syarikat yang bertempat di Malaysia sejak tahun 1998. Syarikat bermastautin ini mereka bentuk perisian komputer di seluruh dunia melalui beberapa cawangan.
Tempoh bekerja di Malaysia pada tahun 2008	352 hari.
Tempoh bertugas di luar negara pada tahun 2008	14 hari di Pakistan.
Tugas di luar negara	Melatih staf di Unit IT di pejabat cawangan di Pakistan.
Arahan dan kawalan	Semua keputusan dibuat dan arahan dikeluarkan oleh majikan di Malaysia.
Saraan	Saraan bulanan dibayar dan ditanggung oleh majikan di Malaysia. Gaji RM10,000 X 12 bulan = RM120,000 Bonus RM10,000 X 2 bulan = RM20,000 Elaun bagi 14 hari dibayar oleh pejabat cawangan di Pakistan untuk membiayai penginapan, makanan dan pengangkutan. Elaun (14 hari) = RM10,000
Cukai yang dibayar di Pakistan	Andaian RM2,000 telah dibayar. (Pertukaran wang berdasarkan kadar pertukaran wang asing boleh diperolehi dari laman web LHDNM di www.hasil.gov.my)

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas ?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia?</i> <i>Memandangkan Zali adalah pakar reka bentuk sistem yang mereka bentuk perisian komputer, tanggungjawab kerjanya termasuk melatih kakitangan IT untuk operasi sistem. Oleh itu, tugas di luar negara adalah berkaitan dengan dan merupakan sebahagian daripada tugas dengan majikan di Malaysia.</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia?</i>	Ya
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i>	Ya
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	Ya
<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	Ya
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara oleh pekerja mencerminkan realiti komersial?</i>	Ya

- a) *Tugas Zali di Pakistan dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan pendapatan penggajian dianggap diperoleh dari Malaysia.*
- b) *Walaupun terdapat perjanjian cukai di antara Malaysia dan Pakistan, ini tidak menghalang Malaysia daripada mencukai pendapatan*

penggajian Zali bagi tempoh beliau menjalankan perkhidmatan di Pakistan.

- c) *Jika Zali dikenakan cukai atas pendapatan yang sama di Pakistan juga, Zali boleh menuntut pelepasan kredit dua belah pihak di negara mastautin (Malaysia).*
- d) *Memandangkan Malaysia mempunyai perjanjian cukai dengan Pakistan, Zali akan dikecualikan cukai di Pakistan jika beliau memenuhi kesemua 3 syarat berikut di bawah Artikel Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas [Artikel 15(2)] yang berikut:*

Artikel	Syarat untuk mendapat pengecualian cukai di Pakistan	Syarat dipenuhi atau tidak	Alasan keputusan
15(2)(a)	<i>Zali berada di Pakistan bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi agregat 183 hari dalam tahun fiskal yang berkenaan.</i>	Ya	<i>Zali berada di Pakistan bagi tempoh yang kurang daripada 183 hari.</i>
15(2)(b)	<i>Perkhidmatan atau aktiviti dijalankan atau dilakukan untuk atau bagi pihak majikan yang bukan pemastautin Pakistan.</i>	Ya	<i>Tugas yang dilakukan di Pakistan adalah untuk dan bagi pihak majikan yang bermastautin di Malaysia.</i>
15(2)(c)	<i>Saraan tidak dipotong secara langsung daripada pendapatan establishmen tetap yang majikan miliki di Pakistan.</i>	Tidak	<i>Saraan bulanan yang dibayar oleh majikan di Malaysia dipotong daripada pendapatan majikan. Elaun yang dibayar oleh pejabat cawangan di Pakistan dipotong daripada pendapatan pejabat cawangan</i>



PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 1/2011
Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

			<p>yang mempunyai establishmen tetap di Pakistan.</p> <p>Nota: Untuk tujuan contoh ini, adalah diandaikan pejabat cawangan di Pakistan mempunyai establishmen tetap.</p>
--	--	--	--

Zali tidak dikecualikan daripada cukai di Pakistan sebab Zali gagal memenuhi ketiga-tiga syarat.

- e) Untuk tahun taksiran 2008, Zali dikenakan cukai di Malaysia atas pendapatan penggajian yang diperolehi daripada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan Pakistan. Elaun yang dibayar oleh pejabat cawangan di Pakistan dianggap diperolehi dari Malaysia sebab tugas di Pakistan adalah sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan oleh itu dikenakan cukai di Malaysia.
- f) Zali tidak layak mendapat pengecualian cukai di Pakistan di bawah Artikel 15 PPPDK di antara Malaysia dan Pakistan sebab beliau menerima elaun daripada syarikat yang mempunyai establishmen tetap di Pakistan. Cukai yang kena dibayar oleh Zali di Pakistan bergantung kepada undang-undang percukaaian di Pakistan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan contoh ini, adalah diandaikan Zali telah dikenakan cukai di Pakistan. Oleh itu, beliau boleh menuntut pelepasan kredit dua belah pihak dari negara bermastautin (Malaysia). Pengiraan cukai adalah seperti berikut:

Pengiraan cukai yang kena dibayar di Malaysia

	RM
Pendapatan penggajian dari Malaysia (Pendapatan berkanun)	140,000
Pendapatan penggajian dari Pakistan (Pendapatan berkanun)	<u>10,000</u>
Jumlah pendapatan	150,000

	RM
Tolak:	
Pelepasan diri	8,000
Anak	4,000
KWSP/Insurans nyawa	6,000
Insuran perubatan	3,000
Perubatan ibubapa	5,000



**PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA **Ketetapan Umum No. 1/2011**
Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

<i>Komputer peribadi</i>	<i>3,000</i>	
<i>Buku</i>	<u><i>1,000</i></u>	<u><i>30,000</i></u>
<i>Pendapatan dikenakan cukai</i>		<u><i>120,000</i></u>

Cukai pendapatan yang kena dibayar

	<i>RM</i>
<i>RM100,000 pertama</i>	<i>14,475.00</i>
<i>RM20,000 @ 27%</i>	<u><i>5,400.00</i></u>
	<u><i>19,875.00</i></u>

Tolak:

Kredit dua belah pihak di bawah seksyen 132 ACP

$$\frac{RM10,000}{RM150,000} \times RM19,875 = RM1,325.00$$

Atau

<i>Cukai asing dibayar (atas elaun) = RM2,000, yang mana lebih rendah</i>	<u><i>1,325.00</i></u>
<i>Cukai kena dibayar di Malaysia selepas membenarkan kredit dua belah pihak di bawah seksyen 132 ACP</i>	<u><i>18,550.00</i></u>

Kajian Kes 8

Fakta kes: Wang dihantar bertugas di Korea Selatan

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Jurutera syarikat telekomunikasi di Malaysia sejak tahun 2003. Jurutera utama jaringan Mobile GPRS SGSN & GGSN, tatarajah, Nokia, Ericsson PS. Bekerja dengan pasukan kerja projek utama, diperlukan untuk mengambil pelan reka bentuk yang terperinci dan melaksanakan penyelesaian. Perlu berupaya untuk membuat tatarajah dan melaksanakan penyelesaian bagi Ericsson SGSN and GGSN GPRS.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2007	Tiada

Tempoh bertugas di luar negara	2 tahun dari 1.1.2007 hingga 31.12.2008.
Tugas di luar negara	Syarikat Korea Selatan dan syarikat di Malaysia telah menandatangani perjanjian di mana syarikat Malaysia akan memberi perkhidmatan dalam bentuk kepakaran. Tugas Wang di Korea Selatan dan Malaysia adalah sama.
Arahan dan kawalan	Syarikat di Korea Selatan membuat semua keputusan dan mengeluarkan semua arahan.
Saraan	Saraan bulanan dibayar oleh majikan di Malaysia. Syarikat di Korea Selatan membayar fi secara pukal kepada syarikat di Malaysia termasuk saraan pekerja.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas biasa penggajian di Malaysia? Tugas yang dijalankan sebagai jurutera di Malaysia dan di luar negara adalah sama. Kerja yang dilakukan di Korea Selatan adalah untuk projek yang tidak berkaitan dengan majikan di Malaysia sebab syarikat di Korea Selatan menanggung semua risiko dan menerima manfaat daripada kerja yang dilakukan di Korea Selatan.</i>	Tidak
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia? Tugas yang dijalankan di luar negara berasingan</i>	Tidak

<i>daripada tugas di Malaysia sebab syarikat di Korea Selatan bertanggungjawab atas semua keputusan berhubung kerja yang dijalankan di Korea Selatan.</i>	
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i> <i>Tugas di luar negara adalah bagi tempoh sementara sebab Wang akan meneruskan kerja dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan tugas di Korea Selatan.</i>	Ya
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	Tidak
<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	Tidak
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i>	Ya

Wang tidak dikenakan cukai di Malaysia sebab tugas di luar negara bukan sampingan kepada tugas di Malaysia. Cukai yang dikenakan di Korea Selatan akan bergantung kepada undang-undang percukaian domestik Korea Selatan.

Pemerhatian

Dalam Kajian Kes 5, 6 dan 7, tugas di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia. Walaupun tugas di luar negara dijalankan di negara yang mempunyai perjanjian cukai, Malaysia tidak dihalang untuk mengenakan cukai atas pendapatan penggajian yang dianggap diperolehi dari Malaysia. Jika pendapatan yang sama dikenakan cukai di kedua-dua negara dan jika Malaysia adalah negara mastautin, pelepasan dalam bentuk kredit dua belah pihak akan dibenarkan, jika dituntut.

Walau bagaimanapun, dalam Kajian Kes 8 tugas di luar negara tidak dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, pendapatan penggajian berkaitan dengan penggajian di luar negara tidak dikenakan cukai di Malaysia.

12.6 Pelepasan kredit sebelah pihak

Pelepasan dalam bentuk kredit sebelah pihak boleh diberi di bawah seksyen 133 ACP jika tidak terdapat PPPDK di antara Malaysia dan negara lain. Pengiraan kredit sebelah pihak adalah seperti berikut:

<p>Cukai yang kena dibayar di Malaysia sebelum kredit dua belah pihak / kredit sebelah pihak</p>	X	<p>²Pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali (<u>pendapatan berkanun</u>) Jumlah pendapatan</p>
Atau		
<p>$\frac{1}{2}$ X cukai asing yang kena dibayar berhubung pendapatan asing yang dikenakan cukai dua kali, yang mana lebih rendah</p>		
<p>(²Pendapatan asing adalah pendapatan yang diperolehi dari luar Malaysia)</p>		

Kajian Kes 9

Fakta kes: Noni dihantar ke Amerika Syarikat

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jeniskerja	Geosaintis di syarikat multinasional Amerika Syarikat yang bertempat di Malaysia sejak tahun 1996. Menjalankan kajian serantau dan geologi berskala besar serta kajian geofizikal atas petroleum. Membuat ramalan atas risiko geologi untuk pemerolehan kawasan yang efektif.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2008	7 bulan.
Tempoh bertugas di luar negara pada tahun 2008	5 bulan di Amerika Syarikat.
Tugas di luar negara	Menjalani program latihan berhubung teknologi yang terkini yang diperolehi oleh syarikat induk di Amerika Syarikat yang berkaitan dengan fungsi tugas di Malaysia.

Arahan dan kawalan	Laporan berkenaan dengan kemajuan latihan yang diperolehi dikemukakan kepada majikan di Malaysia.
Saraan	Saraan bulanan dibayar dan ditanggung oleh majikan di Malaysia.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya / Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas penggajian di Malaysia?</i> <i>Program latihan di luar negara adalah berkaitan dengan fungsi tugas yang dijalankan di Malaysia. Teknologi terkini yang diperolehi daripada latihan tersebut akan digunakan sebagai sebahagian kajian Noni berhubung geologi dan geofizikal atas petroleum.</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia?</i> <i>Latihan di luar negara adalah berkaitan dengan fungsi tugas yang dijalankan di Malaysia dan tidak berasingan daripada tugas di Malaysia.</i>	Ya
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i>	Ya
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	Ya
<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	Ya
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i>	Ya

- a) *Latihan Noni di Amerika Syarikat dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia dan pendapatan penggajian dianggap diperoleh dari Malaysia.*
- b) *Oleh kerana latihan Noni adalah sampingan kepada penggajian di Malaysia, Noni dikenakan cukai di Malaysia atas saraan bagi tempoh Januari hingga Disember 2008. Memandangkan tidak terdapat perjanjian cukai di antara Malaysia dan Amerika Syarikat berhubung punca pendapatan penggajian, undang-undang percukaian domestik Malaysia akan diguna pakai.*
- c) *Pengenaan cukai di Amerika Syarikat bergantung kepada undang-undang percukaian domestik negara tersebut. Jika Noni dikenakan cukai atas pendapatan yang sama, Noni tidak dapat menuntut kredit sebelah pihak di Malaysia sebab tiada pendapatan asing di terima oleh Noni. (Nota: Untuk tujuan kredit sebelah pihak, pendapatan asing didefinisikan sebagai pendapatan yang diperoleh dari luar Malaysia. Ini berbeza daripada pengiraan kredit dua belah pihak yang mana pendapatan asing termasuk pendapatan yang diperoleh dari Malaysia dan dikenakan cukai asing).*

Kajian Kes 10

Fakta kes: Mashuri dihantar bertugas di Brunei

Penerangan penggajian	Butiran
Jawatan dan jenis kerja	Jurutera sivil syarikat kejuruteraan di Malaysia sejak tahun 2001. Merancang, menilai dan melaksanakan penyelenggaraan serta rundingan untuk memenuhi keperluan syarikat.
Tempoh bertugas di Malaysia pada tahun 2008	2 bulan.
Tempoh bertugas di luar negara pada tahun 2008	10 bulan.
Tugas di luar negara	Syarikat di Brunei dan syarikat di Malaysia telah menandatangani perjanjian di mana syarikat Malaysia akan menyediakan perkhidmatan dalam bentuk kepakaran. Tugas Mashuri di Brunei dan Malaysia adalah sama.

Arahan dan kawalan	Syarikat di Brunei bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan mengeluarkan semua arahan.
Saraan	Saraan bulanan dibayar oleh majikan di Malaysia. Syarikat di Brunei membayar fi projek secara pukal yang termasuk saraan pekerja.

Penentuan sama ada tugas yang dijalankan di luar negara dianggap sampingan kepada penggajian yang dijalankan di Malaysia adalah berdasarkan faktor dan keadaan berikut yang dipertimbangkan secara kolektif:

Faktor dan keadaan untuk dipertimbangkan	Ya/Tidak
<i>Adakah pekerja menjalankan penggajian di Malaysia sebelum dihantar ke luar negara untuk bertugas?</i>	Ya
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara berkaitan dengan atau sebahagian daripada tugas penggajian di Malaysia?</i> <i>Tugas sebagai jurutera di Malaysia dan di luar negara adalah sama. Kerja yang dibuat di Brunei berkaitan dengan projek yang tidak berkaitan dengan majikan di Malaysia sebab syarikat di Brunei menanggung semua risiko dan menerima semua manfaat kerja yang dibuat di Brunei.</i>	Tidak
<i>Adakah tugas yang dijalankan di luar negara untuk melanjutkan tujuan majikan di Malaysia?</i> <i>Tugas yang dijalankan di luar negara adalah berasingan daripada tugas di Malaysia sebab syarikat di Brunei bertanggungjawab atas keputusan bagi kerja yang dijalankan di Brunei.</i>	Tidak
<i>Adakah tugas di luar negara untuk tempoh yang sementara?</i> <i>Tugas di luar negara adalah untuk tempoh sementara sahaja sebab Mashuri akan meneruskan kerja dengan majikan yang sama apabila kembali ke Malaysia setelah menyelesaikan kerja di Brunei.</i>	Ya
<i>Adakah arahan dan kawalan kerja yang dijalankan di luar negara terletak pada majikan di Malaysia?</i>	Tidak



**PERCUKAIAN PEKERJA DI MALAYSIA YANG DIHANTAR
BERTUGAS DI LUAR NEGARA**

Ketetapan Umum No. 1/2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA Tarikh Keluaran: 7 Februari 2011

<i>Adakah majikan di Malaysia menanggung saraan pekerja sepanjang tempoh bertugas di luar negara?</i>	<i>Tidak</i>
<i>Adakah risiko yang ditanggung dan manfaat ekonomi yang diterima oleh majikan berkaitan dengan tugas yang dijalankan di luar negara mencerminkan realiti komersial?</i>	<i>Ya</i>

Tugas luar negara Mashuri pada tahun 2008 tidak dianggap sampingan kepada pengajian yang dijalankan di Malaysia.

13. Pengemukaan Borang Cukai Pendapatan

Pekerja yang merupakan bukan pemastautin Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran kerana menjalankan tugas di luar negara dikehendaki memfailkan Borang Cukai Pendapatan iaitu Borang M untuk tahun taksiran tersebut. Jika mereka masih kekal sebagai pemastautin Malaysia untuk tahun taksiran tersebut, Borang BE atau Borang B (yang mana berkaitan) hendaklah difailkan. Borang Cukai Pendapatan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sebelum atau pada 30 April atau 30 Jun (yang mana berkaitan) dalam tahun selepas tahun taksiran tersebut.

14. Tarikh kuat kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.**